KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

## Dokumen Penjajaran Kurikulum

# PENDIDIKAN SENI VISUAL

## TINGKATAN 5 (SISIPAN)

TAHUN 2021

**KATA PENGANTAR**



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dijajarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 Novermber 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang dijajarkan.

**Dr. LATIP BIN MUHAMMAD**
Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

<table>
<tr><th colspan="2" rowspan="2">Tajuk</th><th colspan="6">Standard Pembelajaran</th><th rowspan="2">Cadangan Peruntukan Masa</th></tr>
<tr><th colspan="2">Kandungan Asas</th><th colspan="2">Kandungan Tambahan</th><th colspan="2">Kandungan Pelengkap</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td>SEJARAH DAN APRESIASI SENI VISUAL<br><br>Seni Bina</td><td>1.1<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>1.3</td><td>Persepsi Seni dalam Seni Bina<br>1.1.1 Menjelaskan jenis seni bina di Malaysia:<br>(i) Rumah Tradisional<br>(ii) Rumah Ibadat<br>(iii) Istana<br>(iv) Kompleks Makam<br><br>Ekspresi Seni dalam Seni Bina<br>1.3.1 Menghasilkan satu model bangunan seni bina di Malaysia</td><td>1.2</td><td>Eksplorasi Seni dalam Seni Bina<br>1.2.1 Mencirikan seni bina di Malaysia dari aspek:<br>(i) Reka Bentuk<br>(ii) Ragam Hias</td><td>1.4</td><td>Apresiasi Seni dalam Seni Bina<br>1.4.1 Mempamerkan model bangunan seni bina<br>1.4.2 Menghayati dan menjelaskan model bangunan seni bina dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual dan Pemikiran Seni Visual<br>1.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan model bangunan seni bina</td><td>4 jam</td></tr>
<tr><td>2.0</td><td>SENI HALUS<br><br>Seni Lukisan</td><td>2.1</td><td>Persepsi Seni dalam Seni Lukisan<br>2.1.1 Menjelaskan seni lukisan Barat</td><td>2.2</td><td>Eksplorasi Seni dalam Seni Lukisan<br>2.2.1 Meneroka hasil karya seni lukisan melalui</td><td>2.4</td><td>Apresiasi Seni dalam Seni Lukisan<br>2.4.1 Mempamerkan hasil karya seni</td><td>6 jam</td></tr>
</table>

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2.3 | mengikut abad pilihan dari aspek:<br>(i) Aliran dan Gaya<br>(ii) Pelukis dan Karya<br><br>**Ekspresi Seni dalam Seni Lukisan**<br>2.3.1 Menghasilkan karya seni lukisan berdasarkan aliran dan gaya mengikut abad pilihan | | aktiviti lakaran secara kreatif dengan menumpukan pada aspek:<br>(i) Tema dan Tajuk<br>(ii) Pewujudan Idea | | lukisan<br>2.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni lukisan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual dan Pemikiran Seni Visual<br>2.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni lukisan | |
| **3.0** | **SENI HALUS**<br><br>**Seni Catan** | **3.1**<br><br><br><br><br><br><br><br><br>**3.3** | **Persepsi Seni dalam Seni Catan**<br>3.1.1 Menjelaskan seni catan Barat mengikut abad pilihan dari aspek:<br>(i) Aliran dan Gaya<br>(ii) Pelukis dan Karya<br><br>**Ekspresi Seni dalam Seni Catan**<br>3.3.1 Menghasilkan karya seni catan | **3.2** | **Eksplorasi Seni dalam Seni Catan**<br>3.2.1 Meneroka hasil karya seni catan melalui aktiviti lakaran secara kreatif dengan menumpukan pada aspek:<br>(i) Tema dan Tajuk<br>(ii) Pewujudan Idea | **3.4** | **Apresiasi Seni dalam Seni Catan**<br>3.4.1 Mempamerkan hasil karya seni catan<br>3.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni catan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual dan Pemikiran | 6 jam |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | berdasarkan aliran dan gaya mengikut abad pilihan | | | | Seni Visual<br>3.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni catan | |
| **4.0** | **SENI HALUS**<br><br>**Seni Arca** | **4.1**<br><br><br><br><br><br><br><br><br>**4.3** | **Persepsi Seni dalam Seni Arca**<br>4.1.1 Menjelaskan seni arca Barat mengikut abad pilihan dari aspek:<br>(i) Aliran dan Gaya<br>(ii) Pengarca dan Karya<br><br>**Ekspresi Seni dalam Seni Arca**<br>4.3.1 Menghasilkan karya seni arca berdasarkan aliran dan gaya mengikut abad pilihan | **4.2** | **Eksplorasi Seni dalam Seni Arca**<br>4.2.1 Meneroka hasil karya seni arca melalui aktiviti lakaran secara kreatif dengan menumpukan pada aspek:<br>(i) Tema dan Tajuk<br>(ii) Pewujudan Idea | **4.4** | **Apresiasi Seni dalam Seni Arca**<br>4.4.1 Mempamerkan hasil karya seni arca<br>4.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni arca dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual dan Pemikiran Seni Visual<br>4.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni arca | 6 jam |
| **5.0** | **REKA BENTUK**<br><br>**Reka Bentuk Industri** | **5.1** | **Persepsi Seni dalam Reka Bentuk Industri**<br>5.1.1 Menyatakan prospek dan hala | **5.2** | **Eksplorasi Seni dalam Reka Bentuk Industri**<br>5.2.1 Meneroka hasil produk reka | **5.4** | **Apresiasi Seni dalam Reka Bentuk Industri**<br>5.4.1 Mempamerkan model produk reka bentuk | 8 jam |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | tuju pereka bentuk industri<br>5.1.2 Menjelaskan konsep produk dalam reka bentuk industri dan kepelbagaian model produk | | bentuk dengan menumpukan pada aspek:<br>(i) Kaedah<br>(ii) Proses<br>(iii) Alatan dan bahan | | industri yang dihasilkan<br>5.4.2 Menghayati dan menjelaskan model produk reka bentuk industri dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual dan Pemikiran Seni Visual.<br>5.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan model produk reka bentuk industri | |
| | | **5.3** | **Ekspresi Seni dalam Reka Bentuk Industri**<br>5.3.1 Mereka bentuk produk reka bentuk industri<br>5.3.2 Menghasilkan model produk mengikut skala | | | | | |
| **6.0** | **SENI KRAF**<br><br>**Seni Batik** | **6.1** | **Persepsi Seni dalam Seni Batik**<br>6.1.1 Menjelaskan prinsip asas seni batik<br>6.1.2 Mencerakinkan jenis seni batik<br>6.1.3 Mengenal pasti alatan dan bahan seni batik<br>6.1.4 Mengkategorikan motif seni batik | **6.2** | **Eksplorasi Seni dalam Seni Batik**<br>6.2.1 Meneroka pelbagai jenis teknik dalam proses penghasilan seni batik | **6.4** | **Apresiasi Seni dalam Seni Batik**<br>6.4.1 Mempamerkan hasil produk seni batik<br>6.4.2 Menghayati dan menjelaskan produk seni batik dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual dan | 8 jam |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 6.3 | 6.1.5 Menerangkan proses seni batik<br><br>**Ekspresi Seni dalam Seni Batik**<br>6.3.1 Menghasilkan produk seni batik secara kreatif dan inovatif | | | | Pemikiran Seni Visual<br>6.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan produk seni batik | |
| **7.0**<br><br>**S. 8.0**<br><br>**7.0** | **KOMUNIKASI VISUAL**<br><br>**Seni Reka Grafik (Ilustrasi)**<br><br>**Seni Reka Grafik (Infografik)** | **S.8.1**<br><br>**7.1** | **Persepsi Seni dalam Seni Reka Grafik**<br>S.8.1.1 Menjelaskan definisi Ilustrasi<br>S.8.2.1 Memperihalkan ilustrasi dari aspek:<br>(i) Jenis, media dan teknik ilustrasi<br>(ii) Penjanaan idea bergambar<br><br>**Persepsi Seni dalam Seni Reka Grafik**<br>7.1.1 Menjelaskan infografik dari aspek:<br>(i) Definisi<br>(ii) Prinsip dan Elemen<br>(iii) Fungsi<br>(iv) Penjanaan | **S.8.2**<br><br>**7.2** | **Eksplorasi Seni dalam Seni Reka Grafik**<br>S.8.2.1 Membuat penerokaan ilustrasi dengan pelbagai media dan teknik<br><br>**Eksplorasi Seni dalam Seni Reka Grafik**<br>7.2.1 Meneroka hasil rekaan infografik melalui pelbagai media dan teknik secara kreatif. | **S.8.4**<br><br>**7.4** | **Apresiasi Seni dalam Seni Reka Grafik**<br>S.8.4.1 Mempamerkan hasil karya ilustrasi<br>S.8.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya ilustrasi sendiri dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual<br>S.8.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam hasil karya ilustrasi<br><br>**Apresiasi Seni dalam Seni Reka Grafik**<br>7.4.1 Mempamerkan hasil rekaan | 8 jam |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S.8.3<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>7.3 | Idea<br><br>**Ekspresi Seni dalam Seni Reka Grafik**<br>S.8.3.1 Menghasilkan karya dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif dan inovatif hasil daripada penerokaan ilustrasi ekspresi:<br>(i) Reka bentuk ilustrasi untuk menggambarkan ekspresi<br>(ii) Reka bentuk ilustrasi yang terhasil dan disesuaikan dengan reka bentuk dalam pelbagai media<br><br>**Ekspresi Seni dalam Seni Reka Grafik**<br>7.3.1 Menghasilkan rekaan infografik dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif dan inovatif | | | | infografik<br>7.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil rekaan infografik dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual dan Pemikiran Seni Visual<br>7.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan rekaan infografik | |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **8.0**<br><br>**S.9.0**<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>**8.0** | **KOMUNIKASI VISUAL**<br><br>**Seni Foto (Genre Fotografi)**<br><br><br><br><br><br><br><br><br>**Seni Foto (Manipulasi Imej dan e-Portfolio)** | **S.9.1**<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>**8.1** | **Persepsi Seni dalam Seni Foto**<br>S.9.1.1 Menjelaskan definisi genre dalam fotografi<br>S.9.1.2 Memperihalkan jenis dan fungsi komunikasi visual dalam genre fotografi<br>S.9.1.3 Membincangkan kepelbagaian genre fotografi<br><br>**Persepsi Seni dalam Seni Foto**<br>8.1.1 Menjelaskan definisi manipulasi imej dan e-portfolio<br>8.1.2 Menerangkan teknik asas manipulasi imej dan fungsi e-portfolio dalam Seni Foto<br>8.1.3 Membincangkan kepelbagaian:<br>(i) Teknik asas Manipulasi Imej<br>(ii) Aplikasi e-portfolio | **S.9.2**<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>**8.2** | **Eksplorasi Seni dalam Seni Foto**<br>S.9.2.1 Membuat Penerokaan tentang genre fotografi daripada aspek:<br>(i) Media<br>(ii) Teknik<br><br>**Eksplorasi Seni dalam Seni Foto**<br>8.2.1 Meneroka pelbagai jenis teknik asas manipulasi imej dengan menggunakan perisian dan aplikasi secara kreatif<br>. | **S.9.4**<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>**8.4** | **Apresiasi Seni dalam Seni Foto**<br>S.9.4.1 Mempamerkan hasil karya seni foto<br>S.9.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni foto sendiri dan rakan dengan menumpukan pada aspek Bahasa Seni Visual<br>S.9.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni foto<br><br>**Apresiasi Seni dalam Seni Foto**<br>8.4.1 Mempamerkan hasil karya seni foto menggunakan aplikasi dan portal e-portfolio yang dipilih<br>8.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni foto dengan menumpukan | 8 jam |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **S.9.3**<br><br><br><br><br><br><br><br>**8.3** | **Ekspresi Seni dalam Seni Foto**<br>S.9.3.1 Menghasilkan karya seni foto berdasarkan tema melalui genre fotografi pilihan<br><br>**Ekspresi Seni dalam Seni Foto**<br>8.3.1 Menghasilkan karya seni foto melalui penerokaan manipulasi imej dengan menggunakan imaginasi dan idea secara kreatif dan inovatif | | | | pada aspek Bahasa Seni Visual dan Pemikiran Seni Visual<br>8.4.3 Menjelaskan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni foto | |
| | | | | | | | | 54 jam |

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917